



Program Sokongan Pemulihan Darurat

Kebakaran hutan Januari 2026

Apa yang anda perlu ketahui

Jika sedang diancam bahaya, **hubungi Triple Zero (000)**.

Dokumen ini mengandungi penerangan tentang Program Sokongan Pemulihan Darurat.

Jika memerlukan jurubahasa, telefon 131 450 Perkhidmatan Penterjemah dan Jurubahasa.

Apakah sokongan yang disediakan?

Program Sokongan Pemulihan Darurat membantu orang ramai dan keluarga selepas berlaku bencana.

Kadangkala sukar mengetahui apa yang patut dilakukan seterusnya. Pegawai sokongan pemulihan dapat memberi bimbingan.

Mereka dapat membantu dalam perkara-perkara seperti:

- khidmat kesihatan dan kesejahteraan
- nasihat dan bantuan kewangan
- mencari perkhidmatan tempatan
- persoalan insurans dan undang-undang
- mendaftarkan diri untuk perkhidmatan kerajaan.

Sokongan boleh merangkumi nasihat, rujukan atau bantuan yang lebih menyeluruh jika perlu.

Pegawai sokongan pemulihan akan bekerjasama dengan anda bagi memahami keperluan dan menghubungkan anda dengan sokongan yang tepat.

Mereka yang telah berpindah daripada kawasan darurat

Walaupun telah berpindah daripada kawasan darurat, anda masih boleh mendapatkan bantuan. Sokongan mungkin tersedia dekat dengan tempat anda tinggal sekarang.

Cara mendapatkan bantuan

Melalui telefon

- Anda boleh menghubungi Emergency Recovery Hotline (Talian Pemulihan Darurat) 1800 560 760 (tekan 9 untuk meminta jurubahasa, atau telefon Khidmat Penterjemah dan Jurubahasa 131 450).

Bantuan dan sokongan lanjut

Layari <https://services.dffh.vic.gov.au/emergency-relief-and-recovery-services>

Anda juga dapat:

- Menghubungi majlis tempatan anda
- Telefon VicEmergency 1800 226 226

Bagi menerima dokumen ini dalam format lain, e-mel emergency.communications@dffh.vic.gov.au

ISBN 978-1-76130-962-5 (pdf/dalam talian/MS word)

Diluluskan dan diterbitkan oleh Kerajaan Victoria, 1 Treasury Place, Melbourne.
© Negeri Victoria, Australia, Januari 2026. (2601512)